

**MAJLIS TAKLIMAT IBU BAPA
SIDANG AKADEMIK 2010/2011
SEMPENA
PROGRAM SAMBUTAN SISWA SISWI BAGI SIDANG
AKADEMIK 2010/2011**

Teks Ucapan

**Y.Bhg. BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)**

pada 4 Julai 2010, di Kampus Tetap UniMAP Ulu Pauh.

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Perpaduan.

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Raja Muda Perlis merangkap Tuanku Canselor UniMAP dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Raja Puan Muda Perlis merangkap Pro Canselor UniMAP.

Ampun tuanku, sembah patik mohon di ampun,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, di atas perkenan Duli Tuanku berdua bercemar Duli berangkat ke Majlis Taklimat Ibu Bapa sempena Program Sambutan Siswa Siswi Sidang Akademik 2010/2011 pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Duli Tuanku berdua pada pagi ini amat besar ertinya buat **kami** di universiti ini.

Kami warga UniMAP berasa sangat bertuah kerana mempunyai Canselor dan Pro Canselor yang begitu berjiwa rakyat dan sanggup bersama-sama **kami** pada setiap tahun untuk menerima ahli keluarga UniMAP yang baru. Duli Tuanku berdua juga menunjukkan sokongan yang sangat padu kepada UniMAP kerana sanggup meluangkan masa menghadiri majlis-majlis yang dianjurkan oleh UniMAP dari dahulu sehingga kini.

Sesungguhnya, keberangkatan Duli Tuanku Berdua benar-benar berjaya menaikkan semangat **kami** untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada universiti ini dan menghadapi segala cabaran yang mendarat dengan fikiran yang matang dan hati yang tenang. InsyaAllah apa jua halangan akan dilalui dengan mudah dan sinar kejayaan

akan sentiasa menyinari UniMAP. Terima kasih patik panjatkan diatas sokongan Duli Tuanku berdua selama ini. Semoga Allah S.W.T sentiasa merahmati Duli Tuanku Berdua.

Ampun Tuanku,

Izinkan patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan.

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-Pegawai Utama Universiti.

Dekan – Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan,

Yang dihormati Para Ibu bapa dan waris kepada pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2010/2011.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba Hunhair.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini dalam suasana yang aman dan damai. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ‘Selamat Datang’ kepada semua pelajar yang memilih UniMAP sebagai pusat menimba ilmu untuk peningkatan diri.

Saya juga berasa sangat gembira dan bangga melihat reaksi wajah ibu bapa di hadapan saya ini kerana inilah juga reaksi wajah saya ketika menghantar anak-anak saya semasa pertama kali mereka menjelaskan kaki ke menara gading.

Ladies and Gentlemen,

Allow me to take this opportunity to welcome all the new students to UniMAP, mainly to Perlis “**the land of friendliness and tranquility**”. Welcome and “**Selamat Datang**” I bid to all the international students. It is both an honor and a privilege to stand before you today and welcome you to this amazing community.

I know that many of you have traveled from quite a distance and I'd like to acknowledge our **72 new international students from Uzbekistan, Yemen, Mauritius, Indonesia, Somalia, Sudan, Iraq, Syria, China and Thailand** who have made this long trip to be part of UniMAP's family. I can assure each and every one of you that **you are here because you deserve to be, and because you can bring something new and exciting to this diverse learning community.** So welcome!

This is the beginning of a new adventure for all of you. **You are all here because you want to become the movers and shakers of the future.** This is also a place that cares about people and cherishes their differences. The members of this community strive to understand and respect different ideas, different backgrounds and different cultures, races, ethnicities and identities.

Hadirin sekalian,

Sememangnya, usaha mewujudkan sesebuah universiti bukanlah satu perkara yang mudah. Ia melibatkan pelbagai faktor dan pertimbangan bagi mewajarkan sesebuah universiti **itu dizahirkan.** Kita juga tahu bahawa pembinaan universiti tidak boleh dilakukan berdasarkan keadaan mahupun tuntutan semasa. Ia memerlukan kajian menyeluruh dan mendalam, bukan setakat memenuhi faktor bagi menampung

keperluan tenaga manusia. Setelah semua faktor dipertimbangkan, maka lahirlah UniMAP sebagai salah sebuah institusi pengajian di Malaysia.

Untuk itu hadirin sekalian, pendidikan di peringkat pengajian tinggi tidak harus dilihat sebagai proses menyediakan tenaga atau sumber manusia semata-mata, tetapi ia mencakupi dimensi yang lebih luas lagi iaitu sebagai satu proses atau peluang pendidikan di peringkat tertinggi kepada semua, demi membentuk satu masyarakat berilmu, bertamadun, berpendidikan, berakhhlak, beretika, sekaligus membentuk negara yang berjaya.

Hadirin Sekalian,

Sebagai seorang bapa, saya faham perasaan yang sedang bergolak dalam sanubari anda sekalian. Pelbagai persoalan berlegar dalam kotak minda mengenai pemilihan universiti ini sebagai institusi pendidikan anak-anak anda.

Secara ikhlasnya, ingin saya mengurai segala kekusutan ini dengan memberi jaminan kepada anda bahawasanya, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) merupakan sebuah universiti awam ke - 17 di Malaysia dan untuk pengetahuan hadirin, graduan yang dihasilkan oleh UniMAP juga laris dipasaran kerja dan diterima oleh semua syarikat

multinasional dan industri yang ada di Malaysia, contohnya Intel, Silterra, Agilent dan sebagainya.

Untuk pengetahuan hadirin, apa yang lebih membanggakan ialah bermula pada tahun 2006 sehingga tahun ini bakal-bakal graduan UniMAP telahpun mendapat pekerjaan sebelum konvokesyen diadakan.

Misalnya bagi kohort pertama-2006 100% telah mendapat pekerjaan, Kohort kedua-2007 96.16%, Kohort ketiga-2008 88%, Kohort keempat – 2009 63% telahpun mendapat pekerjaan di syarikat-syarikat multinasional seperti SILTERRA, AMD, AVAGO, NATIONAL SEMICONDUCTOR, AGILENT dan banyak lagi. Selebihnya, adalah kerana mereka menyambung pengajian mereka keperingkat Sarjana atau PhD dan tidak kurang juga yang memilih untuk bekerja sendiri.

Hadirin Sekalian,

Melihat kepada peratusan mengenai jumlah graduan mendapat kerja, inilah tindakan yang sedang dilakukan oleh UniMAP untuk membekalkan sumber manusia iaitu seorang graduan ideal. Graduan ideal bukan sahaja perlu mahir dalam penguasaan kemahiran asas, malah kemahiran berbentuk ‘soft skills’ yang sangat diperlukan dalam

mengharungi pasaran pekerjaan yang sentiasa berkembang. Kemahiran berkomunikasi, ketrampilan diri, kemahiran menyelesaikan masalah dan konflik, kemahiran berhadapan dengan masalah dan sebagainya adalah antara ‘soft skills’ yang bersifat ‘value added’ kepada graduan.

Kesemua kemahiran ini disemai di UniMAP menerusi aktiviti yang dikenali sebagai '**7 pillars**', merangkumi kursus-kursus patriotik dan kenegaraan, kursus pembinaan kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, kursus etiket, sukan lasak, lawatan ke rumah orang-orang tua, program gotong-royong di kawasan kemudahan awam dan sekolah-sekolah, program forum ilmiah, kursus kepimpinan dan lain-lain lagi.

Bakat kreativiti dan inovasi pelajar pulak dipupuk melalui program '**7-i**', di mana pelajar, di bawah penyeliaan RPS masing-masing, menghasilkan produk setelah melalui proses penjanaan dan konsepsualisasi idea yang menyeluruh.

Ini membuktikan graduan yang dihasilkan oleh UniMAP menepati kehendak pasaran dan kurikulum yang dibuat mengikut acuan sendiri setaraf dengan universiti lain yang menawarkan program kejuruteraan. Program ini dilihat mampu merealisasikan visi UniMAP.

Hadirin sekalian,

Untuk itu, UniMAP juga amat bertuah kerana pada tahun ini kita akan menerima sejumlah lebih kurang 2,000 pelajar yang akan mendaftar untuk program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda bagi kemasukan 2010/2011 ini.

Sedangkan jika dibandingkan dengan tahun lepas (2009) UniMAP menerima seramai 1920 pelajar manakala jumlah yang diterima pada 2008 hanya 1144 pelajar. Ini menunjukkan ada peningkatan kepada jumlah pelajar dan ianya merupakan satu peningkatan yang baik dan saya yakin bahawa setiap kali pendaftaran pelajar baru, pasti akan berlaku penambahan pelajar.

Hadirin Sekalian,

Selaras dengan seruan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengenai pengantarabangsaan di universiti, UniMAP telahpun menyahut seruan tersebut dengan menerima kemasukan pelajar dari antarabangsa yang datang untuk melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan juga menjalani kursus intensif bahasa Inggeris selama 6 bulan.

Pada kemasukan 2009/2010, seramai 26 pelajar China yang selesai menjalani kursus intensif bahasa Inggeris selama 6 bulan telah kembali untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah di UniMAP. Selain itu, UniMAP juga menerima kemasukan 39 pelajar dari Yemen, seorang dari Sudan dan 6 orang dari Indonesia bagi menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda. Namun, pada kali ini UniMAP akan menerima kemasukan dari Mauritius (5 orang), Uzbekistan (3 orang), pelajar Yemen adalah seramai 25 orang, China (14 orang), Indonesia (10 orang), Somalia (8 orang), Sudan (1 orang), Iraq (1 orang), Syria (1), dan Thailand (1 orang) yang menjadikan jumlah keseluruhan pelajar antarabangsa bagi sesi kemasukan 2010/2010 adalah seramai 72 pelajar. Mereka ini adalah pelajar tahun satu bagi Ijazah Sarjana Muda. Ini menjadikan jumlah pelajar antarabangsa UniMAP semakin meningkat pada setiap tahun dan jumlah ini juga sebenarnya meningkat berbanding tahun sebelumnya.

Dari situ, saya dapat menyimpulkan bahawa mereka percaya dan yakin terhadap pengajian di UniMAP. Mereka sanggup menyeberangi lautan untuk datang ke sini dan menjadi warga UniMAP. Jika mereka yang bukan rakyat Malaysia boleh yakin dengan UniMAP, mengapa kita sebagai orang Malaysia tidak yakin dengan kemampuan universiti tempatan kita sendiri.

Oleh itu, para ibu bapa tidak harus bimbang kerana keputusan anda untuk menghantar anak anda ke UniMAP merupakan satu keputusan yang tepat. Berkat doa anda dan kerajinan mereka, saya pasti mereka mampu menjadi graduan UniMAP yang laris di pasaran kerja.

Hadirin sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, saya berharap agar ucapan saya tadi akan menghilangkan kerungsingan anda untuk melepaskan anak anda kepada kami sepanjang tempoh masa pengajian mereka di sini.

Saya bagi pihak universiti ingin memohon maaf kepada semua ibu bapa dan waris jika terdapat sebarang kesulitan sepanjang tempoh pendaftaran para pelajar pada hari ini. Semoga kita berjumpa lagi di masa-masa hadapan dan insyaAllah pertemuan kita akan lebih bermakna apabila anda menghadiri majlis graduasi mereka kelak.

**Jauh dimata, rindu dihati,
Hati terusik mengenangkanmu,
Relakanlah anakmu disini,
Mengabdikan diri menuntut ilmu.**

**Usah bersedih, duka dihati,
Rindukan kasih nun di utara,
Warga UniMAP sedia berjanji,
Mendidik anakmu kemercu jaya.**

Sekian. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.
Terima kasih.